

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
27 OGOS 2018**

.....

1. TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN PENGENAAN NOTIS E CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2018

Dimaklumkan bahawa tarikh akhir bagi menjelaskan cukai taksiran penggal kedua 2018 adalah pada 31 Ogos 2018. Kaunter Berpusat dilanjutkan sehingga 8.30 malam pada 30 Ogos 2018, turut beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad dari 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari, bertujuan memudahkan orang ramai membayar cukai taksiran.

Kaunter bayaran akan ditutup pada 31 Ogos 2018 memandangkan ianya hari cuti umum sempena Hari Kebangsaan. Namun begitu, pembayar cukai masih boleh membuat pembayaran secara *online* pada tarikh 31 Ogos 2018 iaitu melalui;

- i. Laman web MPSP;
- ii. Laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang; dan
- iii. Laman web bank-bank yang dilantik oleh MPSP

Secara langsung ianya menjimatkan masa, mengelakkan kesesakan di kaunter bayaran, dan mengurangkan penghasilan karbon. Justeru, dapat meningkatkan kualiti hidup ke arah mencapai bandar rendah karbon dan bandar pintar.

Selepas tarikh tersebut, MPSP akan mengenakan Caj Notis (Borang E) sebanyak RM10.00 ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai taksiran bermula 4 September 2018. Sekiranya anda masih belum lagi membuat bayaran selepas 15 hari daripada Notis (Borang E) dikenakan, waran tahanan sebanyak RM50.00 akan dikeluarkan dan barang-barang yang ada dalam premis akan disita.

Sila jelaskan cukai taksiran dengan segera bagi mengelakkan harta disita atau tindakan undang-undang akan diambil oleh MPSP.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi MPSP di talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 atau e-mel ke waran@mpsp.gov.my.

2. MAJLIS “ASIA PACIFIC MASTERS GAMES (APMG) PENANG 2018

Asia Pacific Masters Games (APMG) Penang 2018 akan diadakan pada 7 September sehingga 15 September 2018 di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan tuan rumah bagi program APMG. Sukan APMG terbuka kepada orang ramai seawal umur 25 tahun. Terdapat beberapa acara yang dipertandingkan antaranya memanah, olahraga, badminton, bola keranjang, berbasikal, bola sepak, golf, hoki, tarian singa, bola jarring, menembak, *softball*, *squash*, berenang, pingpong, taekwondo, tenis, *tenpin bowling*, bola tampar, angkat berat dan wushu. Sukan ini pertama kali diadakan di kawasan rantau Asia Pasifik.

Majlis Perasmiaan Suka APMG akan diadakan pada 8 September 2018 di Padang Kota Lama (Esplanade Field) dan Majlis Penutup Sukan APMG akan diadakan pada 15 September 2018 di *SPICE Convention Centre*, Bayan Baru.

Larian Obor di Seberang Perai akan bermula pada 31 Ogos 2018 mulai jam 3.00 petang, dari Design Village ke Auto City dan tamat di Menara MPSP. Jarak perjalanan adalah sejauh 31km. Pada hari kedua, iaitu 1 September 2018 pukul 7.30 pagi, larian Obor akan dimulakan dari Menara MPSP ke Pusat Rekreasi Bukit DO, Pusat Rekreasi Air Itam, Pengkalan Marin Kastam Mak Mandin, Jeti Pantai Bersih dan berakhir di kawasan Lapang antara Shell dan kawasan Rehat Bagan Ajam.

MPSP berperanan menguruskan pendaftaran peserta bagi 21 acara sukan di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan Seberang Perai. Kaunter pendaftaran dikendalikan oleh warga pekerja Kelab PESUKA.

3. KEMPEN MESEJ “SAYANGI MALAYSIAKU”

Kempen mesej “Sayangi Malaysiaku” adalah untuk memberi peluang kepada semua peringkat umur, memberi pandangan untuk menjadikan Malaysia khususnya Seberang Perai tempat yang selesa didiami, bekerja dan kompetitif untuk pelaburan. Tujuan tema dipilih adalah untuk meningkatkan semangat cintakan Negara di kalangan rakyat Malaysia.

Sehubungan dengan itu, MPSP dengan kerjasama Zart Eventive telah membina Jalur Gemilang daripada 100 bekas telur yang disumbangkan oleh pengusaha premis makanan sekitar kawasan Butterworth. Kotak telur digunakan untuk pembuatan Jalur Gemilang, ianya sebagai simbolik ke arah bandaraya rendah karbon. Bekas telur ini diwarnakan oleh orang ramai semasa Program Car Free Morning yang bertempat di hadapan Sunway Carnival, Seberang Jaya pada 5 Ogos 2018 (Ahad) yang lalu.

Jalur Gemilang tersebut telah di bawa ke perkarangan lobi MPSP pada 7 Ogos 2018 (Isnin) dan disambung pembinaannya oleh staf Zart Eventive sehingga siap. Hampir sebulan Jalur Gemilang tersebut ditempatkan di perkarangan lobi MPSP. Uniknyanya Jalur Gemilang ini diperbuat daripada cantuman kotak telur.

Tujuan *board* Jalur Gemilang ini dibuat adalah untuk mengumpulkan mesej yang ingin disampaikan oleh warga Seberang Perai dan menerapkan sifat menyayangi Malaysia. Mesej yang disampaikan merupakan suara hati rakyat kepada Negara Tercinta iaitu Malaysia. Nota disediakan untuk dilekatkan pada Jalur Gemilang yang akan ditempatkan di perkarangan Lobi MPSP. Mesej daripada *board* Jalur Gemilang tersebut akan dikumpulkan dan seterusnya disampaikan kepada Perdana Menteri Ke-7, iaitu Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

MPSP ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Zaini Zainul, Pengarah Urusan Zart Eventive kerana memberikan sokongan dan bantuan penuh ke atas kempen “Sayangi Malaysiaku” anjuran MPSP ini. Adalah diharapkan supaya warga Seberang Perai dapat menyemai perasaan sayangkan Malaysia di dalam jiwa masing-masing tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

MPSP telah mensasarkan untuk menjadi sebuah bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang 2022. Oleh demikian, “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif” telah dijadikan sebagai Visi Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 yang menggambarkan komitmen serta

usaha MPSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar yang berdaya huni.

4. SELAMAT MENYAMBUT MAAL HIJRAH 1440H

Awal Muharram atau Maal Hijrah merupakan suatu hari yang penting bagi umat Islam kerana menandakan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu memperingati penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W. dari Kota Makkah ke Kota Madinah pada tahun 622M. Kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Awal Muharram 1440 Hijrah iaitu bersamaan 11 September 2018 (Selasa) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

5. SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA PADA 16 SEPTEMBER DAN DIISYTIHARKAN SEBAGAI CUTI KELEPASAN AM

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September, pada setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada 1963. Justeru itu, 17 September 2018 diisytiharkan sebagai cuti kelepasan am, disebabkan 16 September 2018 jatuh pada hari Ahad.

Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang . Saya berharap waktu yang terluang ini dapat digunakan sebaik mungkin.

6. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE 61

Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Yang Ke-61 kepada semua warga Seberang Perai dan Pulau Pinang yang akan disambut pada tanggal 31 Ogos 2018. Tema '**Sayangi Malaysiaku**' telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini. Tema tersebut dipilih bagi memupuk semangat cinta dan sayangkan Negara Tercinta iaitu Malaysia. Hari Kemerdekaan tahun ini jatuh pada hari Jumaat dan diumumkan sebagai cuti umum.

Sebanyak 1466 bendera Malaysia yang telah dipasang oleh MPSP di kawasan Seluruh Seberang Perai. Sehubungan itu, diharapkan semua warga Seberang Perai terutamanya pemilik premis perniagaan, premis

pejabat dapat menghias premis mereka dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Kerjasama daripada semua pihak didahului dengan ucapan terima kasih.

7. MPSP CAR FREE MORNING PADA 2 SEPTEMBER 2018 (AHAD) & SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 2 September 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Tema pada kali ini ialah berkonsepkan Sambutan Hari Sungai Sedunia. Terdapat juga aktiviti senamrobik yang lebih santai, pemeriksaan kesihatan serta pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Oleh itu, semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

Seterusnya, senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 16 September 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 September 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.